



Volume 9(1), Maret 2021 p-ISSN 2302-5808 dan e-ISSN 2684-7388

Contents

PRAKATA. [ii]

MASAKAREE ARDAE@NIK MUHAMMAD SYUKRI NIK WAN,
Pengimejan Sifat-sifat Allah Menurut Perspektif Salafiah. [1-18]

HAJI AWG ASBOL HAJI MAIL & FARAHAINA ANCHONG,
*Kesultanan Aceh Era Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, 1607-1636:
Penelitian terhadap Undang-Undang Islam.* [19-36]

NIDA NURHIDAYATI,
*Dari Deklarasi Djuanda ke Wawasan Nusantara:
Peranan Mochtar Kusumaatmadja dalam Mencapai Kedaulatan
Wilayah Laut Indonesia, 1957-1982.* [37-54]

NORAZAM HASHIMUDIN, ANDI SUWIRTA & MOHD MAHZAN AWANG,
*Kronologi Perjuangan Kemerdekaan di Indonesia dan Malaysia: Menurut
Buku Teks Sejarah SMA Kelas 11 dan Sekolah Menengah Tingkatan 4.* [55-74]

AMPUAN HAJI BRAHIM BIN AMPUAN HAJI TENGAH,
*APB dan FASS UBD Membuka Peluang Penyelidikan mengenai Brunei:
Antara Cabaran dan Cadangan.* [75-94]

INFO-SUSURGALUR-EDUTAINMENT. [93-102]

SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah (Journal of History Education & Historical Studies) will provide a peer-reviewed forum for the publication of thought-leadership articles, briefings, discussion, applied research, case and comparative studies, expert comment and analysis on the key issues surrounding the history education and historical studies in general and its various aspects. Analysis will be practical and rigorous in nature. The SUSURGALUR journal, with print ISSN 2302-5808 and online ISSN 2684-7388, was firstly published on March 24, 2013, in the context to commemorate the BLA (Bandung Lautan Api or Bandung a Sea of Flames)'s Day in Indonesia. Since issue of September 2013 to date, the SUSURGALUR journal has jointly been organized by the Lecturers of APB UBD (Academy of Brunei Studies, University of Brunei Darussalam) and the Lecturers of International and Historical Study Program FASS (Faculty of Arts and Social Sciences) UBD in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam; and published by Minda Masagi Press owned by ASPENSI (the Association of Indonesian Scholars of History Education) in Bandung, West Java, Indonesia. This journal is published twice a year i.e. every March and September. Available online also at: www.journals.mindamas.com/index.php/susurgalur

PRAKATA



Pandemik COVID-19 (Corona Virus Disease-2019) telah melanda Dunia, sejak akhir tahun 2019. Tragedi ini telah mengguncang dan menggegarkan kehidupan umat manusia di seluruh pelusuk Dunia. Seluruh tenaga dan pemikiran terpaksa diarahkan kepada memerangi penyakit berjangkit yang mengancam nyawa ini. COVID-19 bukan sahaja menyebabkan korban yang banyak ke atas umat manusia, bahkan yang masih hidup terpaksa bergelut untuk meneruskan kehidupan yang dihantui ketakutan dan kebimbangan. Kehidupan yang sebelum ini aman dan tenteram telah menjadi purak-puranda. Ekonomi menjunam runtuh dan menyebabkan ramai yang hilang pekerjaan. Kehidupan semakin dihimpit penderitaan yang, nampaknya, belum ada penghujungnya. Mereka yang beriman tetap menerima sebagai ujian yang mengandungi hikmat, yang hanya boleh dirasakan oleh mata hati yang hening. Sementara yang tiada pegang agama, membunuh diri dengan menentang dari bangunan tinggi.

Pandemik COVID-19 telah mencorakkan warna-warni dan liku-liku sejarah umat manusia di zaman Dunia tanpa sempadan ini. Bagi ahli sejarah, ia penting untuk dikaji dan diteliti sedalam-dalamnya, bukan sahaja dalam bentuk kajian sejarah mahupun serantau, khususnya Asia Tenggara, tetapi jauh dari itu kajian santerio Dunia. Kajian perlu dilakukan dalam berbagai sudut, kerana pandemik ini telah mencetuskan berbagai teori yang kontroversi. Ada yang mengatakan kemunculannya dirancang oleh golongan yang ingin menguasai Dunia, dengan matlamat menjadi pemerintah tunggal Dunia. Dalam mencapai misinya itu, penduduk Dunia harus dikurangkan dengan perancangan yang teliti, dengan menggunakan kecanggihan ilmu yang sentiasa berkembang. Salah satunya dengan cara pencipta penyakit yang boleh membunuh dalam masa yang singkat. Dalam masa yang sama, mereka boleh mengaut keuntungan yang lumayan dengan menjual vaksin yang mereka cipta jua. Mereka dapat kesenangan atas penderitaan orang lain.

Bagai manapun, ahli sejarah juga harus melihat dari sudut lain apabila pandemik ini boleh dikatakan telah memberikan pengajaran kepada umat manusia. Tamadun tinggi yang dicapai oleh manusia, seharusnya mereka tidak menjadi sombong. Bagi sudut pandang ahli sejarah Islam bahawa kesombongan tidak membawa erti, apabila Allah SWT (Subhanahu Wa-Ta'ala) mahu menunjukkan kuasa-Nya. Jadi, pandemik COVID-19 boleh dianggap sebagai ujian kepada manusia angkuh dengan kekuasaan Allah. Di sinilah peranan ahli sejarah untuk meneliti bagi memberikan pencerahan mengenai bagaimana, mengapa, dan kesannya yang muncul daripada pandemik berkenaan. Ianya wajar dikaji, kerana manusia terpaksa hidup bersama virus merbahaya yang telah mencetuskan berbagai peristiwa bersejarah.

Di sinilah, sekali lagi, pentingnya peranan sejarah dalam era Dunia tanpa sempadan, kerana umat manusia akan sentiasa mencipta sejarah, sama ada ia dicipta sendiri sesama manusia atau tercipta kerana manusia berinteraksi dengan makhluk lain. Dari itu manusia seharusnya jangan mudah lupa kepada sejarah. Bila Presiden Soekarno daripada Indonesia menyatakan kepentingan JASMERAH (Jangan Sekali-kali Meninggalkan Sejarah); manakala Tun Mahathir Mohamad daripada Malaysia pula menyayangkan sikap bangsa-bangsa di rantau Asia Tenggara yang kerap MELUPA (Melayu Mudah Lupa).

Kertas-kertas kerja yang diterbitkan dalam jurnal SUSURGALUR kali ini, Isu Mac 2021, semua mengguna-pakai Bahasa Melayu/Indonesia. Ini adalah satu dasar baru daripada Pengerusi Sidang Pengarang, yang mahukan dan berazam untuk memartabatkan Bahasa Melayu/Indonesia sebagai Bahasa Antarabangsa. Bagi para pembaca yang belum faham Bahasa Melayu/Indonesia, sila boleh terus tengok ABSTRAK dalam Bahasa Inggris, yang disediakan selepas IKHTISAR dalam Bahasa Melayu/Indonesia. Bahasa menunjukkan bangsa. Lantaran itu, mulakan tahun 2021 pula, hingga ke masa hadapan, semua kertas yang diterbitkan dalam jurnal SUSURGALUR – sebaik sahaja diwasit dan ada kelayakan untuk diterbitkan – mahukan mengguna-pakai Bahasa Melayu/Indonesia.

Kertas-kertas dalam jurnal SUSURGALUR, edisi sekarang pula, tidak ada kena-mengena dengan isu wabak COVID-19. Tapi apa yang kritikal adalah bahawa di tengah wabak COVID-19, justru para Cikgu, Pensyarah, dan Ahli Akademik lainnya kekal produktif dan pro-aktif dalam mengkaji, menyelidik, dan menulis kertas-kertas selari dengan minat dan kepakaran masing-masing. Inilah hakikat kreativiti, yang mana ianya tidak lekang oleh panas dan tidak luntur oleh hujan, termasuk tidak terganggu pun oleh wabak COVID-19, yang proses penularan dan kesannya merata kemana-mana tempat di seluruh Dunia.

Hanya kepada Allah, kita berdo'a; dan hanya kepada Allah pula kita pohonkan pertolongan. Selamat membaca kertas-kertas dalam jurnal SUSURGALUR; dan harap kita kekal sihat serta maju jaya hingga bila-bila masa.

Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 30hb Mac 2021.

Prof. Madya Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail

Timbalan Sidang Pengarang Jurnal SUSURGALUR di Bandung; Pensyarah Jabatan Pengajian Sejarah dan Antarabangsa FASS UBD (Fakulti Sastra dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam); serta Setiausaha Panel Pakar ASPENSI (Asosiasi Sejarawan dan Pendidik Sejarah Internasional). E-mail: asbol.mail@ubd.edu.bn